


Bahagian A
(80 markah)
Jawab semua soalan

1.



Maklumat di atas adalah berkaitan isu buli dalam kalangan pelajar sekolah yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

- a) Buli adalah perbuatan yang berniat menunjukkan kekuatan, menggertak atau mencederakan orang tertentu yang dilihat berkeadaan lemah berbanding si pelaku dengan mengasari atau mendera mangsanya.
Pada pandangan anda, apakah faktor-faktor yang menyebabkan seseorang itu boleh dibuli ?

i. _____

ii. _____

[2 markah]

- b) Terangkan nilai yang patut diamalkan oleh pelajar sekolah bagi mengelakkan mereka daripada terjebak dalam kes membuli.

[3 markah]



- c) Buli siber adalah satu jenis buli yang amat biasa diperkatakan sekarang. Jelaskan kesan buli siber kepada mangsa buli.

i. _____

ii. _____

[4 markah]

- d) Nyatakan **satu** akta berkaitan dengan buli siber.

[1 markah]

2. Maklumat-maklumat di bawah adalah berkaitan pentingnya kebahagiaan dalam sesebuah keluarga.

Maklumat 1



Keluarga Bahagia Membentuk Sikap Positif Anak-anak

Maklumat 2



a) Berdasarkan **Maklumat 1**, terangkan nilai yang patut diamalkan oleh ahli keluarga untuk membentuk sebuah keluarga bahagia.

i. _____

ii. _____

[4 markah]

- b) Berdasarkan **maklumat 2**, keluarga yang bahagia juga akan membawa kesan kepada masa depan negara. Jelaskan.

[3 markah]

- c) Bagaimanakah cara-cara untuk menunjukkan perasaan sayang kepada anggota keluarga ?

i. _____

ii. _____

iii. _____

[3 markah]

3.

Maklumat 1

Isu penjagaan alam sekitar tidak pernah berakhir dalam kehidupan kita. Kesedaran dalam diri serta masyarakat amat penting dalam usaha untuk menjaga alam sekitar agar kehidupan kita dan generasi akan datang tidak terjejas di kemudian hari.

Maklumat 2



a) Berdasarkan **maklumat 1**, terangkan pendapat anda berdasarkan nilai murni yang anda telah pelajari.

[3 markah]

b) **Maklumat 2** menunjukkan antara langkah-langkah yang boleh diambil oleh pelbagai pihak untuk menjaga alam sekitar. Jelaskan kesan-kesan kepada alam sekitar jika langkah tersebut diabaikan.

i.

ii.

[4 markah]

c) Selain daripada kempen kitar semula, berikan kempen lain berkaitan alam sekitar yang telah atau sedang dijalankan oleh pihak kerajaan.

i. _____

ii. _____

[2 markah]

d) Apakah rumusan yang dapat anda buat daripada keseluruhan maklumat yang diberi ?

[1 markah]

4. Berikut adalah gambar beberapa orang tokoh kemerdekaan negara kita.



a) Terangkan **dua** nilai selain nilai rasional dan bertanggungjawab yang dipupuk oleh tokoh-tokoh pejuang kemerdekaan di negara kita.

i. _____

ii. _____

[4 markah]

b) Bagaimanakah anda dapat mengekalkan kemerdekaan Negara ?

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____

[3 markah]

c) Cadangkan **tiga** cara kepada pihak kerajaan dalam usaha memupuk sikap taat setia terhadap negara dalam kalangan rakyat.

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____

[3 markah]

5.



Kempen Klik Dengan Bijak yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia

a) Nyatakan **dua** kepentingan menggunakan internet dengan bijak.

- i. _____
- ii. _____

[2 markah]

b) Sebagai seorang pelajar, terangkan **dua** nilai yang perlu diamalkan semasa melayari internet.

i. _____

ii. _____

[4 markah]

c) Namakan satu akta yang digubal untuk melindungi pengguna internet di Malaysia.

[1 markah]

d)

Bahaya kenalan Internet
54 peratus remaja perempuan terdedah kepada gangguan seksual, diperkosa lelaki baru dikenali di laman sosial

Siapa tidak takut?
... (text continues) ...

DIHAKLUKAT
... (text continues) ...

RESPECT RESPK
... (text continues) ...

Keratan akhbar di atas menunjukkan antara kesan buruk penggunaan internet tanpa kawalan. Huraikan tindakan yang patut diambil oleh ibu bapa untuk memantau penggunaan internet dalam kalangan remaja masa kini.

[3 markah]

6.



Kehebatan atlet paralimpik negara tidak dapat disangkal lagi apabila pernah mengutip 3 pingat emas dalam kejohanan Sukan Paralimpik Rio 2018.

a) Nyatakan **tiga** cara kerajaan mengiktiraf golongan atlet Paralimpik Malaysia.

- i. _____
- ii. _____

[2 markah]

b) Berdasarkan soalan (a), mengapakah kerajaan bertindak sedemikian ? Huraikan jawapan anda berdasarkan **satu** nilai murni.

[4 markah]

c) Berikan maksud bagi nilai yang dipilih untuk soalan (b).

[2 markah]

d) Nyatakan perasaan golongan kurang berupaya (OKU) apabila sumbangan mereka diberi pengiktirafan ? Berikan sebab.

[2 markah]

7. Berikut adalah satu kempen yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia.



a) Jelaskan nilai yang patut diamalkan oleh rakyat Malaysia bagi menyokong kempen membeli produk tempatan.

[3 markah]

b) Selain kempen, berikan **dua** cara untuk menggalakkan rakyat membeli barangan buatan Malaysia.

i. _____

ii. _____

[2 markah]

c) Terangkan **dua** kepentingan membeli barangan tempatan.

i. _____

ii. _____

[4 markah]

d) Berikan satu jenama tempatan yang anda tahu.

[1 markah]

8. Gambar di bawah adalah contoh kerjasama antara negara-negara ASEAN.



a) Terangkan **dua** cara Malaysia mengekalkan kerjasama yang erat dengan negara serantau terutamanya negara-negara ASEAN.

i) _____

ii) _____

[4 markah]

b) Nyatakan **tiga** faedah yang diperolehi Malaysia hasil daripada kerjasama dengan negara-negara ASEAN.

i. _____
ii. _____
iii. _____

[3 markah]

c) Selain Malaysia, nyatakan negara-negara lain yang menganggotai ASEAN.

i. _____
ii. _____
iii. _____

[3 markah]

Bahagian B

(20 markah)

Jawab mana-mana dua soalan.

9.



**BAHAYA ROKOK
KEPADA KESIHATAN**

**Tak Nak
Merokok!**

“Asap rokok mengandungi nikotin, tar, karbon monoksida dan lebih 4,000 bahan lain yang membahayakan kesihatan. **”**

Bahan-bahan ini memberi kesan negatif kepada organ tubuh

Walaupun jelas diketahui bahawa merokok boleh mendatangkan mudarat kepada orang yang menghisap dan juga orang lain disekelilingnya, perokok masih tidak dapat memberhentikan tabiat mereka itu. Huraikan kesan merokok kepada remaja. Huraian anda hendaklah berdasarkan nilai-nilai murni yang telah anda pelajari.

[10 markah]

10. Maklumat berikut adalah mengenai masyarakat lestari.

Gaya hidup lestari yang mesra alam wajar dipraktikkan dalam kehidupan seharian kita agar dicontohi oleh generasi akan datang.

Bagaimanakah caranya gaya hidup lestari dapat diamalkan oleh kita ? Jawapan anda hendaklah berdasarkan nilai-nilai murni yang dipelajari.

[10 markah]

11. Keratan akhbar di bawah berkaitan kes penderaan kanak-kanak yang pernah tular di negara kita.



Huraikan langkah-langkah yang perlu diambil oleh pihak kerajaan untuk menangani kes penderaan kanak-kanak. Huraian anda mestilah berdasarkan nilai-nilai murni yang dipelajari.

[10 markah]

SKEMA PERMARKAHAN PERCUBAAN SPM SABS 2020

Soalan	Penerangan /Contoh	Markah
1 a)	H1 Suka bersendirian / pasif	1
	H2 pemalu / introvert	1
	H3 berbadan besar / kecil	1
	H4 Mempunyai nama yang pelik / kelakar	1
	H5 Pelajar baru	1
	H6 pelajar yang kerap dipuji oleh guru	1
	H7 pelajar yang cemelang dalam sukan / pelajar terbaik / aktif	1
		Max = 2m
1 b)	N1 Harga diri	1
	N2 rasional	1
	N3 Mematuhi peraturan dan undang-undang	1
	H1 Imej diri / keluarga terjejas	1
	H1a pelajar lain akan menjauhkan diri	1
	H1b pelajar lain merasa tidak senang untuk berkawan	1
	H2 Dipandang serong oleh rakan / masyarakat	1
	H2a ibu bapa akan dituduh tidak pandai menjaga anak	1
	H2b dianggap pelajar bermasalah	1
	H3 Berpotensi menjadi penjenayah bila dewasa	1
	H3a merasa seronok dapat merendahkan / menyakitkan orang lain	1
	H3b cenderung menyebabkan kecederaan / kematian orang lain	1
	H4 boleh dikenakan tindakan undang-undang	1
	H4a Akta mahkamah Juvana 1947 (18 tahun ke bawah) / pemantauan oleh pegawai khas / denda / dimasukkan ke sek Henry Gurney / penjara	N+H+H
	(Terima mana-mana jawapan lain yang munasabah)	(Mak 3m)

1 c)	<p>Kesan buli siber kepada mangsa buli :</p> <p>H1 Hilang keyakinan diri.</p> <p>H1a sentiasa merasakan diri dipandang buruk / serong</p> <p>H2 Kecenderungan membalas dendam</p> <p>H2a mencari peluang untuk mengenakan pembuli dengan cara yang sama menyebabkan masalah berlarutan / bertambah berat.</p> <p>H3 Mengalami kemurungan</p> <p>H3a Tidak dapat menerima nasib diri yang dipandang negatif</p> <p>H4 Cenderung untuk mencederakan diri sendiri / bunuh diri</p> <p>H4a menganggap cara tersebut sebagai penyelesaian kepada masalahnya</p> <p><i>(Terima mana-mana jawapan lain yang munasabah)</i></p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>(Mak 4m)</p>
1 d)	<p>H1 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998</p> <p>H2 Akta Jenayah Komputer 1997</p> <p>H3 Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 1998</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>(Mak 1m)</p>

SOALAN 2

SOALAN	HURAIAN / CONTOH	MARKAH
2a)	<p>N1 hormat dan taat kepada anggota keluarga</p> <p>N2 Tanggungjawab terhadap keluarga</p> <p>N3 Kasih sayang terhadap keluarga</p> <p>H1 saling menghormati terutama kepada yang lebih tua</p> <p>H2 saling mengambil berat akan kesihatan ahli keluarga</p> <p>H3 saling mengambil berat akan kebersihan dalam rumah dan</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>

	<p>persekitaran</p> <p>H4 memastikan didikan agama dan moral diberi sejak kecil</p> <p>H5 memastikan anak-anak mendapat pelajaran agar menjadi insan berguna / mendapat pekerjaan yang baik.</p> <p>H6 menjaga keselamatan antara satu sama lain</p> <p>H7 saling memahami apa yang digemari / dibenci oleh ahli keluarga</p> <p>H8 menerima perbezaan pendapat dengan positif</p> <p>H9 Taat kepada suruh ibu bapa</p> <p>H10 sentiasa melakukan aktiviti bersama agar lebih mesra</p> <p>H11 sentiasa bertanya khabar jika berjauhan</p> <p>H12 menjadi suri teladan kepada yang lebih muda agar tidak mudah terjebak dalam masalah social</p> <p><i>(Terima mana-mana jawapan lain yang munasabah)</i></p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>N + H (maks 4m)</p>
b)	<p>H1 Ciri-ciri yang baik pada seorang pemimpin datang dari sebuah keluarga yang bahagia</p> <p>H2 Pemimpin yang berkualiti mestilah seorang yang rasional dalam pemikiran.</p> <p>H3 mempunyai mental yang sihat / tiada sejarah hitam</p> <p>H4 Berilmu pengetahuan / tidak ketinggalan dalam pelajaran</p> <p><i>(Terima mana-mana jawapan lain yang munasabah)</i></p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>(maks 3m)</p>
c)	<p>H1 menghargai jasa-jasa ibu bapa.</p> <p>H2 sentiasa bertanya khabar jika tinggal berjauhan</p> <p>H3 menjaga ibu bapa yang tua / uzur</p> <p>H4 membantu anggota keluarga apabila dalam kesusahan</p> <p>H5 saling menghormati</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>

	H6 belajar bersungguh-sungguh agar dapat membalas jasa ibu bapa / mencapai impian keluarga	1
	H7 melayan ahli keluarga dengan baik / sopan	1
	H8 Mentaati ibu dan ayah.	1
	H9 Mendengar nasihat mereka.	1
	H10 Bermesra dengan ahli keluarga.	1
	H11 Meminta maaf jika melakukan kesalahan dan memaafkan ahli keluarga jika mereka bersalah.	1
	H12 Berkongsi barang-barang kita dengan adik-beradik	1
	<i>(Terima mana-mana jawapan lain yang munasabah)</i>	(maks 3m)

Soalan 3

SOALAN	PENERANGAN	MARKAH
a)	N1 Rasional	1
	N2 Bertanggungjawab	1
	N3 Kesederhanaan	1
	N4 menyayangi dan menghargai alam sekitar	1
	N5 kemapanan alam sekitar	1
	N6 peka terhadap isu-isu alam sekitar	1
	N7 keharmonian antara manusia dengan alam sekitar	1
	H1 menggunakan sumber tenaga boleh diperbaharui	1
	H1a cth: tenaga solar	1
	H2 mendidik melalui kempen	1
	H2a cth: cintai sungai kita/ Selamatkan Bumi/ Cakna Alam sekitar	1
	H3 mengamalkan kitar semula	1
	H4 melaporkan kes penebangan hutan yang berleluasa	1
	H4a menanam semula pokok yang ditebang	1
	H5 guna air dengan berhemah	1
	H5a kekalkan sumber air bersih	1

	H6 disertai aktiviti sukarelawan berkaitan alam sekitar H6a dapat bantu membersihkan kawasan persekitaran cthnya sungai <i>(Terima mana-mana jawapan lain yang munasabah)</i>	1 1 N + H + HL (maks 4m)
b)	H1 habitat flora dan fauna musnah H1a menyebabkan kepupusan H2 persekitaran yang kotor boleh menyebabkan penyebaran penyakit H2a cth : denggi / hawar / cirit birit H3 suasana kotor menjejaskan kehadiran pelancong H3a nama negara terjejas H4 Pembalakan berleluasa menyebabkan struktur tanah menjadi longgar H4a menyebabkan bencana seperti banjir kilat / tanah runtuh <i>(Terima mana-mana jawapan lain yang munasabah)</i>	1 1 1 1 1 1 1 1 1 (maks 3m)
c)	Kempen Cintai Sungai Kita Kempen Cintai Alam Sekitar Kempen 1 Warga 1 Pokok Kempen 'Say No to Plastic Bags' <i>(Terima mana-mana jawapan lain yang munasabah)</i>	1 1 1 1 (maks 2m)
d)	H1 Semua pihak perlu libatkan diri menjaga alam sekitar agar dapat diwarisi oleh generasi akan datang dengan baik H2	W + T + K 1

Soalan 4

SOALAN	PENERANGAN	MARKAH
4. a)	N1 Cinta akan negara	1
	N2 Sanggup berkorban untuk negara	1
	N3 Taat setia kepada Raja dan negara	1
	N4 toleransi	1
	N5 hemah tinggi	1
		(maks 2N)
	H1 sentiasa mengutamakan kepentingan negara dalam membuat sebarang keputusan dalam pentadbiran	1
	H2 berjuang ke arah membebaskan bangsa dan negara daripada terus dijajah.	1
	H3 mempunyai sifat setia dan sayang kepada negara	1
	H4 mewujudkan perpaduan kaum untuk merealisasikan kemerdekaan negara.	1
H5 mempunyai pekerti mulia dalam pergaulan tanpa mengira kaum	1	
	(Terima mana-mana jawapan lain yang munasabah)	(maks 2H)
b)	H1 semangat patriotism yang tinggi	1
	H2 sentiasa menghormati lambang kebesaran negara : bendera, lagu kebangsaan, jata negara dll	1
	H3 semangat kekitaan dalam mengekalkan perpaduan	1
	H4 bersifat produktif untuk memajukan negara	1
	H5 belajar bersungguh-sungguh untuk menyumbang kepada negara	1
	H6 tidak memburuk-burukkan negara sendiri	1

	H7 hidup sejahtera dan harmoni walaupun berbilang kaum / tidak berpecah belah <i>(Terima mana-mana jawapan lain yang munasabah)</i>	1 (maks 3m)
c)	H1 Menggubal prinsip Rukun Negara H2 Melancarkan pelbagai program untuk meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan rakyat seperti Bulan Patriotik / sambutan kemerdekaan / Hari Malaysia H3 mewajibkan nyanyian lagu negaraku dalam setiap acara penting H4 meneruskan program menguatkan semangat patriotism seperti PLKN. <i>(Terima mana-mana jawapan lain yang munasabah)</i>	1 1 1 1 (maks 3m)

SOALAN 5

SOALAN	PENERANGAN	MARKAH
5a)	H1 mencari pelbagai informasi terkini H2 mendapatkan bahan-bahan pembelajaran H3 bertukar-tukar pendapat tentang pelbagai topik H4 memperluaskan pengetahuan H5 dapat berkomunikasi secara global H6 dapat berkomunikasi dengan orang jauh H7 berinteraksi dengan beberapa orang dalam satu masa dengan kamera web. <i>(Terima mana-mana jawapan lain yang munasabah)</i>	1 1 1 1 1 1 (maks 2m)

5b)	N1 Rasional	1
	N2 Bertanggungjawab	1
	N3 Hemah tinggi	1
	N4 Mematuhi peraturan dan undang-undang	1
		(maks 2N)
	H1 melayari laman web yang mendatangkan faedah	1
	H2 tidak lalai sehingga menjejaskan / mengabaikan pelajaran	1
	H3 membuat jadual aktiviti harian agar tidak terlalu lama melayari internet.	1
	H4 menggunakan internet secara berhemah dengan tidak mengeluarkan komen-komen negative	1
	H5 tidak bercakap tentang isu-isu yang sensitive	1
	H6 tidak menularkan sesuatu berita / cerita tanpa mengetahui kesahihannya.	1
H7 tidak mendedahkan sebarang maklumat peribadi	1	
	(Maks 2H)	
	(4m)	
5c)	H1 Akta Jenayah Komputer	1
	H2 Akta Komunikasi dan Multimedia	1
	H3 Akta Tandatangan Digital	1
		(maks 1m)
	(Terima mana-mana jawapan lain yang munasabah)	
5d)	H1 Meletakkan computer di tempat yang boleh dipantau oleh mereka	1
	H2 aktifkan 'firewall'	1
	H3 meletakkan password	1
	H4 kerap mengingatkan anak-anak tentang bahaya penggunaan	1

	internet yang keterlaluan.	
	H5 menghadkan masa penggunaan internet	1
	H6 memantau aktiviti internet melalui sejarah penggunaan (ruangan 'history')	1
	<i>(Terima mana-mana jawapan lain yang munasabah)</i>	(Maks 3 m)

Soalan 6

SOALAN 6	Nilai/ Huraian / Contoh	MARKAH
(a)	H1 Skim imbuhan kemenangan / ganjaran bentuk duit H2 memberi rumah H3 peluang pekerjaan H4 memberi peruntukan kewangan untuk membangunkan lagi industri sukan bagi OKU <i>(Terima mana-mana jawapan lain yang munasabah)</i>	1 1 1 1 (Maks 2m)
(b)	N1 Menghormati hak golongan kurang berupaya N2 Bertanggungjawab H1 menghargai segala usaha dan penat lelah golongan kurang berupaya untuk berjaya H2 tidak sepatutnya membezakan pencapaian OKU dengan atlet yang normal dari segi pengiktirafan H3 dapat meniup semangat atlet OKU untuk meneruskan kecemerlangan mereka dlm sukan H4 kesedaran bahawa OKU juga boleh menyumbang kepada negara <i>(Terima mana-mana jawapan lain yang munasabah)</i>	1 1 1 1 1 1 (1N + 3H)
(c)	Maksud N1 : Memberi layanan yang bersopan kepada golongan kurang berupaya dan mengiktiraf mereka sebagai insan ciptaan Tuhan. Maksud N2 : Kesanggupan memikul dan melaksanakan tugas serta kewajipan dengan sempurna.	2 2 (maks 2m)

(d)	Perasaan : Gembira / Terharu / Bersyukur	1
	H1 rasa diri dihargai / tidak diabaikan	1
	H2 segala pengorbanan telah dibalas	1
	H3 mendapat layanan yang sama rata	1
	<i>(Terima mana-mana jawapan lain yang munasabah)</i>	N+H (maks 2m)

Soalan 7

SOALAN	PENERANGAN	MARKAH
a)	N1 Cinta akan negara	1
	N2 Rasional	1
	N3 Bertanggungjawab	1
	H1 mengutamakan barangan buatan Malaysia yang semakin berkembang maju.	1
	H2 dapat mengurangkan aliran mata wang ke luar negara	1
	H2 agar barangan buatan Malaysia dapat menandingi barangan import	1
	H3 jika rakyat Malaysia sendiri tidak menyokong, produk tidak akan maju.	1
	<i>(Terima mana-mana jawapan lain yang munasabah)</i>	N + H + H (maks 4m)
b)	H1 Peranan media massa	1
	H1a menyiarkan pelbagai iklan, dokumentari, rancangan, wawancara dan sebagainya dalam siaran televisyen, radio, surat khabar dan majalah.	1
	H2 Ibu bapa menjadi suri teladan dengan membeli barangan buatan Malaysia	1
	H2a Anak-anak akan lebih terbuka untuk membeli barangan yang sama	1

	H3 Pendedahan di peringkat sekolah	1
	H3a galakan oleh guru	1
	H3b menganjurkan pertandingan kuiz / melukis poster / dll	1
	H4 Para pengusaha / pengeluar giat menjalankan R&D untuk meningkatkan mutu barangan yang dihasilkan / sehingga peringkat SIRIM / ISO	1
	H4a mendapat kepercayaan pembeli / barangan lebih diyakini	1
	H5 para pengusaha harus sentiasa meneliti, mengkaji dan menyiasat cinta rasa trend semasa, keinginan pasaran serta pembungkusan yang unik.	1
	H5a Perniagaan yang tradisional tidak dapat bersaing dalam dunia perdagangan yang penuh dengan cabaran dan kompetitif.	1
	H6 mengadakan ekspo / carnival membeli belah di seluruh negara.	1
	H6a Pengeluar harus bergabung tenaga untuk memperkenalkan barangan mereka kepada para pengguna	1
	<i>(Terima mana-mana jawapan lain yang munasabah)</i>	(maks 2m)
c)	H1 Menjimatkan perbelanjaan	1
	H1a kebanyakan barang mempunyai harga yang lebih murah berbanding barangan import.	1
	H2 Industri tempatan semakin berkembang	1
	H2a contohnya industry desa seperti batik / kraftangan / makanan	1
	H2b menambah peluang pekerjaan	1
	H2c mengurangkan masalah social	1
	H3 Imej negara meningkat melalui penghasilan barangan yang berkualiti	1
	H3a kualiti dapat menandingi barangan import	1

	H3b menjadi buah tangan untuk dibawa balik oleh pelancong	1
	H4 Mengurangkan aliran mata wang keluar negara	1
	H4a negara ada peruntukan untuk tingkatan kemudahan awam	1
	H4b ekonomi negara lebih stabil	1
	<i>(Terima mana-mana jawapan lain yang munasabah)</i>	(maks 4m)
d)	H1 Proton	H8 Jimmy Choo
	H2 Life	H9 Munchy's
	H3 Ramly	H10 Spritzer
	H4 Gardenia	H11 Padini
	H5 Ogawa	H12 Lewre
	H6 Big Apple	H13 Beryl's
	H7 British India	H14 Secret Recipe
		(maks 1m)

Soalan 8

8(a)	J1 Saling bertukar-tukar pandangan dalam pelbagai bidang. H1 Agar perkara baru yang bermanfaat dapat dikongsi bersama	1 1
	J2 Saling membantu apabila terdapat negara anggota yang ditimpa masalah. H2 agar semua negara anggota dapat bersama-sama membangun tanpa ada yang tercicir.	1 1
	<i>(mana-mana jawapan munasabah diterima)</i>	(Maks 4m)
(b)	J1 Bantuan ketika kecemasan seperti bencana alam J2 Pertukaran teknologi canggih yang boleh meningkatkan ekonomi J3 Memajukan industry pelancongan	1 1 1
	<i>(mana-mana jawapan munasabah diterima)</i>	(Maks 3m)
(c)	J1 Indonesia J2 Singapura J3 Brunei Thailand / Myanmar / Laos / Filipina / Vietnam / Cambodia <i>(mana-mana negara anggota ASEAN yang lain)</i>	1 1 1 Maks 3m

BAHAGIAN B**Soalan 9**

Soalan	Huraian /Contoh	Markah
9	<p>Kesan merokok kepada remaja.</p> <p>Watak : Remaja</p> <p>N1 Rasional N2 Bertanggungjawab N3 Mematuhi peraturan dan undang-undang N4 Harga diri</p> <p>H1 menjejaskan kesuburan lelaki H1a sukar mendapat zuriat / mati pucuk H2 Menambah risiko mendapat penyakit berbahaya H2a strok / kanser mulut / masalah jantung H3 menyebabkan ketagihan H3a nikotin dalam rokok menjejaskan fungsi otak (perasaan seperti mengambil heroin) H4 menyebabkan kedutan pada kulit H4a cepat kelihatan tua daripada usia H5 menjejaskan kandungan bagi yang mengandung H5a bayi berisiko untuk gugur / cacat / lahir pramatang H6 menjejaskan penampilan seorang perokok H6a nafas berbau, gigi kuning / berkarat H7 membazir duit H7a harga rokok yang tinggi boleh membebankan terutama remaja yang tidak bekerja.</p> <p><i>(Terima mana-mana jawapan lain yang munasabah)</i></p>	<p>1 1 1 1</p> <p>(Mak 3m)</p> <p>1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1</p> <p>(Mak 7m)</p> <p>Total= 10 m</p>

Soalan 10

Soalan	Huraian /Contoh	Markah
10	<p>Bagaimana mempraktikkan gaya hidup lestari.</p> <p>Watak : Kita</p> <p>N1 Rasional N2 Bertanggungjawab N3 Kesederhanaan N4 menyayangi dan menghargai alam sekitar N5 kemapanan alam sekitar N6 peka terhadap isu-isu alam sekitar N7 keharmonian antara manusia dengan alam sekitar</p>	<p>1 1 1 1 1 1 1</p> <p>(Mak 3m)</p>

H1 mengelakkan pembakaran terbuka	1
H2 mengamalkan konsep 3R / 5R (rethink, repair, reuse, reduce, recycle)	1
H3 Cth bagi 3R / 5R	1
H4 mengasingkan sisa pepejal / sampah sebelum membuang	1
H5 menanam semula pokok	1
H6 menggunakan beg / bekas yang mesra alam	1
H7 tidak menggunakan straw / bekas pakai buang	1
H8 menanam sendiri sayuran secara hidroponik	1
H9 menggunakan peralatan elektrik dengan bijak	1
H10 tidak membazirkan elektrik	1
H11 tidak menggunakan beg plastic	1
H12 tidak membazirkan air	1
<i>(Terima mana-mana jawapan lain yang munasabah)</i>	(Mak 7m)
	Total = 10m

Soalan 11

Soalan	Huraian /Contoh	Markah
11	Langkah-langkah yang perlu diambil kerajaan untuk menangani kes penderaan kanak-kanak. Watak : Kerajaan	
	N1 Rasional	1
	N2 Bertanggungjawab	1
	N3 Melindungi hak kanak-kanak	1
	N4 Kepercayaan kepada tuhan	1
		(Mak 3m)
	H1 menguatkuasakan undang-undang dibawah Akta Kanak-kanak 2001	1
	H1a cepat bertindak jika mendapat aduan	1
	H1b mengkaji semula undang-undang sedia ada sekiranya kes penderaan masih berleluasa	1
	H1c agar hukuman lebih berat dapat dijatuhkan	1
	H2 mengadakan kempen kesedaran bagi mengelakkan kes dera daripada terus berleluasa	1
	H2a Cth : Kempen Keluarga Bahagia / Sayangi Kanak-kanak	1
	H2b memberi kesedaran kepada ibu bapa akan tanggungjawab mereka.	1
	H3 Menganjurkan Kursus Keibubapaan	1
	H3a ibubapa akan lebih jelas tentang cara mendidik anak dan menangani masalah keluarga	1
	H4 memberi didikan agama	1
	H4a memberi kesedaran kepada pasangan bahawa agama melarang keras aniaya kanak-kanak.	1
	H4b melalui kursus asas perkahwinan / persediaan perkahwinan	1
	H5 sentiasa memantau perkembangan kes penderaan kanak-kanak	1

	H5a mewujudkan talian teledera untuk memudahkan aduan dibuat <i>(Terima mana-mana jawapan lain yang munasabah)</i>	1 (Mak 7m) Total = 10m
--	---	--------------------------------------



SMK SULTAN ABU BAKAR, 25300 KUANTAN, PAHANG
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2020
PENDIDIKAN MORAL (1225/1)
TINGKATAN 5
2 JAM 30 MINIT

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN :

- 1) *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B.*
- 2) *Jawab semua soalan daripada Bahagian A dan dua soalan daripada Bahagian B.*
- 3) *Jawapan hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang telah disediakan.*
- 4) *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
- 5) *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tuliskan jawapan yang baharu.*

NAMA :		KELAS :	
UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA			
BAHAGIAN	SOALAN	MARKAH PENUH	MARKAH DIPEROLEH
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
	5	10	
	6	10	
	7	10	
	8	10	
B	9	10	
	10	10	
	11	10	
JUMLAH		100	
MARKAH %			

Disediakan oleh,

Disemak oleh,

 (HAIDAR BT ABDULLAH)
 GURU P.MORAL

 (HO MEI YIENG)
 KETUA PANITIA P. MORAL

